

Baca ayat–ayat di bawah dengan teliti. Kenal pasti subjek dan predikat dalam ayat–ayat tersebut. Kemudian tulis subjek dan predikat pada ruang yang disediakan.

1. Faiz Subri menerima Anugerah PUSKAS daripada FIFA berserta ganjaran wang tunai sebanyak RM150 000

Subjek	
Predikat	

2. Banjir di Pantai Timur Semenanjung Malaysia bertambah buruk apabila hujan lebat berterusan selama seminggu.

Subjek	
Predikat	

3. Encik Hakim dan keluarganya akan menunaikan umrah pada penghujung bulan Ogos ini.

Subjek	
Predikat	

4. Gejala buli masih berleluasa meskipun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berkuasa.

Subjek	
Predikat	

5. Adik perempuan saya belajar di SMK Hamzah.

Subjek	
Predikat	

6. Jam tangan ini untuk kakak saya.

Subjek	
Predikat	

7. Sangat keruh air sungai itu.

Subjek	
Predikat	

8. Setelah seharian bekerja di ladang Ahmad sangat penat.

Subjek	
Predikat	

9. Kerana sangat lapar Aiman makan dengan gelojoh.

Subjek	
Predikat	